



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (36)

Tarikh : 1 Julai 2021

SIARAN MEDIA

KEBENARAN BAGI URUSAN PERPINDAHAN DI HARTANAH STRATA DAN *LANDED* DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 1 BERKUATKUASA SERTA MERTA

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2021 – Urusan perpindahan di hartanah Strata dan *Landed* dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 adalah dibenarkan berkuatkuasa serta merta. Keputusan tersebut dicapai semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal YB Menteri Kanan Pertahanan yang diadakan semalam.

Sehubungan itu, pemilik hartanah terbabit perlu mendapatkan kebenaran polis bagi diri mereka dan pengendali perpindahan. Bagi Hartanah Strata pemohon perlulah memaklumkan tarikh dan masa perpindahan serta maklumat pengendali perpindahan kepada pihak pengurusan strata. Prosedur Standard Operasi (SOP) Pengurusan Strata yang telah dikemaskini boleh dimuat naik di laman web KPKT di www.kpkt.gov.my. Kerja-kerja pemasangan keperluan asas seperti jeriji besi dan perkakasan elektrik bagi membolehkan sesuatu hartanah selamat didiami adalah dibenarkan dengan mematuhi SOP Pembinaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya dan di www.cidb.gov.my.

Sementara itu, urusan pemasangan baru perkhidmatan internet dan komunikasi di bawah Sektor Penyenggaraan Bangunan dan Fasiliti dan Sektor Pengurusan Strata turut dibenarkan susulan pindaan kepada SOP sedia ada. Walau bagaimanapun perpindahan dan pemasangan baharu perkhidmatan internet dan komunikasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah tidak dibenarkan.

KPKT turut memohon kerjasama pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk memaklumkan perkembangan terkini ini kepada Badan Pengurusan *Joint Management Body* (JMB)/*Management Corporation* (MC) di kawasan masing-masing, di samping memantau pematuhan SOP Sektor Pengurusan Strata di sepanjang tempoh PKP ini.

Kebenaran ini tertakluk kepada SOP semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (Sektor Pengurusan Strata), KPKT di talian 03- 8891 4330/ 4347.

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*